

PIDM terima anugerah kecemerlangan pemasaran

UM 4/11

KUALA LUMPUR 3 Nov. – Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) meraih dua penghargaan di Anugerah Kecemerlangan Pemasaran 2016 (MEA 2016) baru-baru ini, atas usaha pemasaran dan komunikasi organisasi itu dalam melindungi pengguna kewangan negara.

PIDM berjaya merangkul anugerah perak bagi kategori kecemerlangan dalam pemasaran sektor kerajaan, serta anugerah gangsa bagi kategori kecemerlangan dalam komunikasi pemasaran dan perhubungan awam.

Pengurus Besar Eksekutif PIDM, Rafiz Azuan Abdullah berkata, penghargaan tersebut membuktikan usaha berterusan PIDM dalam menggalakkan kesedaran awam terhadap pentingnya perlindungan pengguna kewangan.

“Mandat PIDM adalah untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara, selain mendidik orang awam tentang peranan dan sistem perlindungan bagi kestabilan kewangan dalam jangka masa panjang.

“Sejak sekian lama, PIDM meningkatkan kesedaran awam melalui pelbagai inovasi dan kreativiti. Justeru, pencapaian ini memberi galakan untuk memastikan mesej diberi akan terus diterima,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

MEA 2016 merupakan acara utama di Malaysia yang mengiktiraf kecemerlangan dalam industri perkhidmatan komunikasi dan pemasaran dinilai menerusi kempen, inisiatif dan program terbaik.

Kempen PIDM yang berjaya meraih tumpuan dan memenangi anugerah tersebut dibangunkan secara kerjasama dengan kartunis terkemuka Malaysia, Datuk Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai Lat.

Ciri-ciri lukisan hitam putih Lat dapat menghidupkan penceritaan dengan mesej kompleks merangkumi pelbagai bangsa dan demografi sekali gus menawarkan interaksi yang lebih berkesan dalam kalangan golongan sasaran.



RAFIZ AZUAN ABDULLAH (kanan) dan Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am PIDM, Lim Yam Poh bersama anugerah yang dimenangi dalam Anugerah Kecemerlangan Pemasaran 2016 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.